

ITEX 2018: UMS rangkul dua emas, lapan perak

UB 15-5-2018 A4

KUALA LUMPUR: Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul dua pingat emas dan lapan perak dalam penyertaan International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018.

Pingat-pingat itu diperoleh daripada 10 penyelidikan yang dipertandingkan pada pameran itu yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

Penyelidik yang telah menyumbangkan pingat emas ialah Prof Dr Khin Maung Ohn @Arif dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) melalui inovasi bertajuk Novel POP Roller (NOPORO). Inovasi itu turut membolehkan beliau



PENYAMPAIAN Anugerah Pingat Emas dan Anugerah Khas pada Malam Budaya Cipta kepada penyelidik UMS.

meraih Anugerah Khas IFIA Medal for Best National Invention.

Pingat emas kedua pula diperoleh melalui Prof Madya Dr Rayner Alfred dari Fakulti Komputeran dan Informatik dengan inovasi bertajuk MADBOOST: A

Multiple Adaptive Diversified Boosting Approach to Infrared Face Recognition Based on Ensemble Classifiers.

Sementara itu, pingat perak telah dimenangi Dr Joko Sulistyono dengan tajuk penyelidikan GARBISTER: Mushroom Grown on

Garbage, Dr Clarence Ongkudon dengan tajuk Mini Bio-Integrated Ultrafiltration System, Dr Newati Wid bertajuk StruFosfat: High-P Struvite Fertiliser from Food Waste, dan Dr Zamhar Iswandono Awang Ismail dengan penyelidikan bertajuk

Thesaurigame.

Turut menyumbang perak ialah Dr May Honey Ohn dengan tajuk kajian Development of ECG Gamification Platform GaMED-ECG dan Siti Hasnah Tanalol - Amazing Jawi AR.

Dua pingat perak selebihnya dihasilkan melalui dua kajian Dr Nor Qhairul Izzreen Mohd Noor yang masing-masing bertajuk Izzyberry dan Thirstberry.

Pameran pertandingan inovasi dan teknologi bertaraf antarabangsa itu merupakan pameran tahunan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

Majlis penyampaian pingat dan anugerah kepada para penyelidik yang menang disempurnakan Setiausaha Kehormat MINDS Myocho Kan.